# Hong Leong Bank — Borang Permohonan Kad Kredit Utama dan Sampingan

☐ Ya, saya ingin menerima Kad(-kad) Kredit Hong Leong berikut dengan kelulusan pinjaman hartanah atau kenderaan Hong Leong saya:
☐ Hong Leong Mortgage Loan ☐ Hong Leong Car Loan

Reset All Forms

**Kad Kredit*:**

(i) ☐ Hong Leong Infinite (Visa)
☐ Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)
My Malaysia Airlines Enrich Card No.
M H _ _ _ _ _ _ _ _ _
Nota: Alamat e-mel adalah wajib jika anda tidak mempunyai Malaysia Airlines Enrich Card, anda akan didaftarkan secara automatik sebagai ahli baru Enrich Airlines.

(ii) ☐ Platinum Business (Mastercard)

(iii) ☐ Sutera Platinum (Visa)
☐ Sutera Platinum (MasterCard)
☐ GSC Platinum (Visa)
☐ The Store Platinum (MasterCard)
☐ Pacific Platinum (MasterCard)

(iv) ☐ Visa Gold
☐ MasterCard Gold
☐ Fortune (Visa)
☐ Essential (Visa)
☐ GSC Gold (Visa)
☐ The Store Gold (MasterCard)
☐ Pacific Gold (MasterCard)
☐ I'm (MasterCard)

**Kad Sampingan:**
☐ Touch 'n Go Zing

☐ WISE Platinum (Visa) ☐ WISE Gold (Visa)

**Untuk Kad Kredit WISE Hong Leong:**
Saya ingin memilih ketegori-kategori berikut untuk menikmati pulangan tunai 10% untuk pembelian runcit (sila pilih 2 maksimum):

☐ Kedai Buku ☐ Petrol
☐ Gedung Beli-belah ☐ Farmasi
☐ Restoran ☐ Pelancongan
☐ Hiburan ☐ Utiliti
☐ Barangan Runcit

☑ Mudah-alih (BONUS)

Tahun 1 pengecualian yuran tahunan tertakluk kepada 1 transaksi dalam tempoh 45 hari dari tarikh kelulusan kad.

| Pengecualian yuran tahunan untuk tahun yang seterusnya adalah tertakluk kepada Syarat 1 ATAU 2 (tidak termasuk bagi Kad Kredit WISE) | Hong Leong Infinite 𝒫 / Infinite / Infinite Doctor's Edition / I'm | Sutera Platinum | Platinum Business | The Store / Pacific / GSC | Kad Kredit Gold / Essential / Fortune |
|---|---|---|---|---|---|
| **Syarat 1:** Perbelanjaan minima setiap tahun | Tiada | RM15,000 | RM15,000 | - | RM8,000 |
| **Syarat 2:** Jumlah minima transaksi setiap tahun | Yuran Tahunan | - | 12 | 12 | 12 |

Nota: *Pemohonan ini merupakan permintaan untuk kad kredit Platinum/Gold jika pemohon tidak layak untuk memohon kad kredit Infinite/Platinum/Gold. Hong Leong Bank berhak menaik taraf permohonan kad kredit Infinite ini kepada Kad Kredit Infinite 𝒫 (dengan jemputan) jika pemohon layak. Semua Kad Kredit Hong Leong akan berkongsi had kredit.

## Bahagian A Butir-butir Peribadi Anda

☐ Dr ☐ Encik ☐ Puan ☐ Cik ☐ Lain-lain ______
Nama Penuh (seperti dalam K.P./Pasport) *(sila garis bawah nama keluarga anda)*

Nama untuk dicetak pada Kad (tidak melebihi 19 huruf)

Jantina ☐ Lelaki ☐ Perempuan

No. K.P. Baru/Pasport

No. K.P. Lama

Tarikh Lahir (hh/bb/tttt)

Kewarganegaraan

Bangsa
☐ Melayu
☐ Cina
☐ India
☐ Lain-lain

Taraf Perkahwinan
☐ Bujang
☐ Janda/Duda
☐ Berkahwin
☐ Bercerai

Bilangan Tanggungan

Taraf Pendidikan
☐ Sekolah Menengah/Rendah
☐ Diploma
☐ Ijazah Sarjana Muda
☐ Ijazah Sarjana/Kedoktoran

## Bahagian B Pengisytiharan FATCA

Saya, pemegang akaun, mengaku bahawa maklumat di bawah adalah benar, tepat dan lengkap. Saya memahami bahawa istilah "orang A.S." bermaksud mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat ("A.S.") atau pemegang passport A.S. atau kad hijau A.S.:

Reset

☐ Saya adalah orang A.S.
**Sila isi borang W-9 dari :**
**http://www.irs.gov/pub/irs-pdf/fw9.pdf**

☐ Saya bukan orang A.S. tetapi satu atau lebih daripada berikut adalah berkaitan dengan saya:
**Sila isi borang W-8BEN dari :**
**http://www.irs.gov/pub/irs-pdf/fw8ben.pdf**
☐ 1. Saya dilahirkan di A.S.:
(a) ☐ Saya telah mengemukakan "Certificate of Loss of Nationality".
(b) ☐ Saya mengesahkan bahawa saya tidak memiliki "Certificate of Loss of Nationality" kerana saya telah:
i. Menghilangkannya; atau
ii. Sebab lain (sila nyatakan) ______
☐ 2. Saya mempunyai alamat tetap atau alamat surat-menyurat A.S. semasa, termasuk alamat P.O. Box A.S..
☐ 3. Saya memiliki nombor telefon A.S..

☐ Saya bukan orang A.S. dan kenyataan 1 sehingga 3 di atas adalah tidak berkaitan dengan saya.

## Bahagian C Kediaman Anda

Alamat Rumah

Poskod Bandar

Negeri

Jenis Kediaman

☐ Sendiri ☐ Sewa ☐ Majikan ☐ Milik Ibubapa

Tempoh Menetap

No. Tel. Rumah

No. Tel. Bimbit

Alamat Emel *(wajib untuk Infinite/Infinite Doctor's Edition/I'm)*

Notis penting:
Penyata Kad kredit akan dihantar ke alamat emel anda. Untuk pemegang kad sedia ada, penyata-penyata anda yang lain akan juga dihantar ke alamat emel ini.

Bagi mereka yang tidak memberikan e-mel, sila dimaklumkan bahawa tiada penyata fizikal yang akan dihantar ke alamat surat-menyurat anda. Sila log masuk ke Hong Leong Connect untuk melihat penyata kad kredit bulanan anda.

## Bahagian D Butir-butir Pekerjaan Anda

Jenis Pekerjaan

☐ Bekerja Sendiri dengan Pekerja
☐ Bekerja Sendiri tanpa Pekerja
☐ Pekerja Kerajaan / Penjawat Awam
☐ Pekerja Sektor Swasta
☐ Pesara / Suri Rumah

Nama Syarikat

No. Pendaftaran Syarikat (bagi bekerja sendiri)

Nama Syarikat untuk dicetak pada Kad (tidak melebihi 19 huruf)
*(untuk permohonan Platinum Business)*

Alamat Pejabat

Poskod Bandar

Negeri

No. Tel. Pejabat

No. Sambungan

Jenis Perniagaan

Jawatan

Pendapatan Kasar Tahunan ☐ Gaji ☐ Komisen ☐ Perniagaan

RM

Pendapatan Lain-lain Tahunan

☐ Sewa (sila kemukakan perjanjian penyewaan yang disertakan dengan duti setem)
☐ Lain-lain (sila nyatakan)

RM

Tempoh Perkhidmatan BB TT

Nama Majikan Terdahulu (jika bekerja kurang daripada 1 tahun dengan majikan sekarang)

Tempoh Perkhidmatan BB TT

## Bahagian E Rujukan Semasa Kecemasan

*Rakan atau saudara yang tidak menetap bersama anda*

Nama Penuh

Hubungan

No. Tel. Rumah

No. Tel. Bimbit

No. Tel. Pejabat

No. Sambungan

## Bahagian F Butir-butir Pasangan Anda

Nama Penuh (seperti dalam K.P./Pasport)

Nama Syarikat (jika ada)

No. Tel. Pejabat

No. Sambungan

No. Tel. Bimbit

Pekerjaan

## Bahagian G Alamat Surat-menyurat Anda

☐ Rumah ☐ Pejabat

## Bahagian H Penghantaran Kad Kredit

☐ Rumah ☐ Pejabat Untuk Kegunaan Bank Sahaja *(contoh: 001)*

## Bahagian I Arahan Bayaran Bulanan

Saya dengan ini membenarkan Hong Leong Bank untuk mendebit Akaun Simpanan/Semasa saya setiap bulan untuk menyelesaikan Kad Kredit Hong Leong pada Tarikh Bayaran Perlu Dibayar saya ("Cubaan Pertama")*. Sekiranya Cubaan Pertama tidak berjaya, saya turut membenarkan Hong Leong Bank melaksanakan percubaan berikutnya sebanyak (dua) 2 kali maksimum untuk mendebit Akaun Simpanan/Semasa saya pada dua (2) hari berturut kalendar selepas Tarikh Bayaran Perlu Dibayar saya untuk mengesankan penyelesaian tersebut. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan saya bertanggungjawab ke atas semua caj, penalti dan yuran kelewatan yang ditanggung selaras dengan Perjanjian Pemegang Kad yang berkaitan jika bayaran baki tunggakan saya di bawah Kad Kredit Hong Leong saya tidak dapat dibuat pada Tarikh Bayaran Perlu Dibayar.

*Sila mengambil perhatian bahawa Akaun Kad Kredit Hong Leong anda akan dikreditkan hanya pada hari kalendar berikut selepas percubaan berkaitan berjaya.

No. Akaun – –

Untuk: ☐ Bayaran Minima ☐ Bayaran Penuh

## Bahagian J Kad Kredit Tambahan

☐ Dr ☐ Encik ☐ Puan ☐ Cik ☐ Lain-lain

Nama Penuh (seperti dalam K.P./Pasport)

Nama untuk dicetak pada Kad (tidak melebihi 19 huruf)

Jantina ☐ Lelaki ☐ Perempuan

No. K.P. Baru/Pasport

No. K.P. Lama

Tarikh Lahir (hh/bb/tttt)

Bangsa ☐ Melayu ☐ Cina ☐ India ☐ Lain-lain

Kewarganegaraan

## Bahagian J Kad Kredit Tambahan (berterus)

Pengisytiharan FATCA
Saya, pemegang akaun, mengaku bahawa maklumat di bawah adalah benar, tepat dan lengkap. Saya memahami bahawa istilah "orang A.S." bermaksud mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat ("A.S.") atau pemegang passport A.S. atau kad hijau A.S.:

Reset

☐ Saya adalah seorang A.S.
**Sila isi borang W-9 dari: http://www.irs.gov/pub/irs-pdf/fw9.pdf**
☐ Saya bukan orang A.S. tetapi satu atau lebih daripada berikut adalah berkaitan dengan saya.
**Sila isi borang W-8BEN dari: http://www.irs.gov/pub/irs-pdf/fw8ben.pdf**

☐ 1. Saya dilahirkan di A.S.:
(a) ☐ Saya telah mengemukakan "Certificate of Loss of Nationality".
(b) ☐ Saya mengesahkan bahawa saya tidak memiliki "Certificate of Loss of Nationality" kerana saya telah:
i. Menghilangkannya; atau
ii. Sebab lain (sila nyatakan) ____________________________
☐ 2. Saya mempunyai alamat tetap atau alamat surat-menyurat A.S. semasa, termasuk alamat P.O. Box A.S..
☐ 3. Saya memiliki nombor telefon A.S..

☐ Saya bukan orang A.S. dan kenyataan 1 sehingga 3 di atas adalah tidak berkaitan dengan saya.

Hubungan dengan Pemohon Kad Utama

Alamat Rumah

Poskod Bandar

Negeri

Alamat Emel

No. Tel. Rumah

No. Tel. Bimbit

Had Kredit
☐ Pemohon Kad Tambahan akan berkongsi 100% had kredit saya
☐ Pemohon Kad Tambahan akan diperuntukkan had kredit sebanyak:
RM | | | | | | | |

Nota: Semua baki belum jelas atau jumlah yang belum dibayar dalam akaun Kad Tambahan pada bulan tertentu akan dipindahkan ke akaun Pemegang Kad Utama pada tarikh penyata yang akan datang, seperti mana yang berikut had kredit diberikan akan dikembalikan semula dengan sewajarnya.

## Bahagian K Kemudahan Kewangan Lain Anda (Bukan-bank)

Adakah anda pelanggan Hong Leong Bank? ☐ Ya ☐ Tidak

| No. | Jenis Kemudahan | Jumlah Pinjaman/ Pembiayaan | Jumlah Ansuran/ Bayar-balik |
|---|---|---|---|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

## Bahagian L PENGAKUAN – Sila tandatangan dalam kotak yang disediakan di bawah

Saya/kami mengaku dan bersetuju:- (a) semua maklumat yang diberi di atas adalah benar dan tepat; (b) Hong Leong Bank Berhad ("HLBB") diizinkan mengesahkan maklumat tersebut dengan mana-mana sumber dan dengan cara yang difikirkan sesuai; (c) saya/kami akan terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong, Kad Zing Touch'n Go dan sebarang terma dan syarat kad kredit lain yang dimohon dalam permohonan ini sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa; (d) saya/kami memahami bahawa permohonan saya/kami boleh ditolak tanpa diberi sebarang sebab; (e) bahawa pinjaman peribadi saya/kami dari sumber di Malaysia tidak melebihi agregat RM200,000 (tertakluk kepada pemohon bukan warga Malaysia sahaja); (f) saya/kami memberi kebenaran dan membenarkan HLBB mendapatkan sebarang maklumat lain daripada mana-mana sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), FIS, CTOS atau mana-mana agensi rujukan kredit, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa lain tanpa memberikan notis selanjutnya kepada saya/kami setakat yang diperlukan dan untuk tujuan yang dianggap perlu atau wajar oleh HLBB mengikut budi bicaranya yang berkaitan dengan permohonan, pengagihan dan peruntukkan produk dan perkhidmatan; (g) di mana saya/kami telah menghantar secara faks atau menghantar borang permohonan kad kredit kepada HLBB melalui emel, saya/kami bersetuju bahawa salinan faks atau imbasan borang permohonan tersebut akan dianggap sebagai salinan asal untuk tujuan pemprosesan, yang mengandungi maklumat yang benar dan tepat. Salinan faks dan semua urus niaga kad yang berbangkit dalam permohonan ini adalah sah, saya/kami akan menyimpan permohonan yang asal sepanjang masa dan akan memberikan kepada HLBB apabila diminta; (h) sekiranya maklumat yang saya/kami kemukakan adalah tidak tepat atau tersilap, maka akan menyebabkan penepian semua hak pertikaian saya/kami dan saya/kami akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh HLBB.

**Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("APK") dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan kepada Pihak Berkait ("Garis Panduan")**
Untuk membolehkan HLBB mematuhi APK dan Garis Panduan berkaitan, saya/kami seharusnya memaklumkan kepada HLBB sama ada saya/kami adalah pihak berkait di bawah Garis Panduan tersebut, yang merangkumi dan tidak terhad kepada, pasangan, anak, ibu bapa atau tanggungan kewangan kepada Pengarah HLBB, Pegawai Eksekutif, pegawai yang meluluskan/menilai/menyemak kredit atau untuk pelanggan korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh pegawai HLBB yang dinyatakan di atas. Sekiranya pada bila-bila masa saya/kami menjadi orang berkait, saya/kami mesti memaklumkan kepada HLBB secara bertulis dengan segera. HLBB berhak untuk menamatkan Kemudahan sekiranya saya/kami gagal melakukan perakuan yang wajar atau tepat, yang menyebabkan HLBB menyalahi APK atau Garis Panduan tersebut.

**Hak untuk Mendedahkan Maklumat**
Sebagai tambahan kepada pendedahan dibenarkan yang disediakan di bawah Jadual 11 APK, saya/kami dengan ini memberi hak dan membenarkan secara tidak boleh batal kepada HLBB, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat berkaitan kemudahan kad kredit saya/kami, borang permohonan ini, akaun sedia ada dan akan datang saya/kami dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan saya/kami atau perniagaan dan operasinya saya/kami kepada:

(a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan kredit kepada saya/kami, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Biro Maklumat Cek, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang mungkin dibenarkan oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia;
(b) Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan HLBB (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 1965), termasuk wakil dan pejabat cawangan serta wakil sah mereka kepada syarikat induk HLBB;
(c) Pihak Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan kemudahan kad kredit saya/kami;
(d) Juruaudit HLBB, peguamcara dan/atau agen lain berhubung mendapatkan semula wang yang perlu dan akan dibayar; dan
(e) Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLBB yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh HLBB dan syarikat bersekutu atau berkaitnya.
(f) Malaysian Airlines System Berhad, Priority PASS (A.P.) dan Plaza Premium Lounge Malaysia Sdn Bhd untuk memberi manfaat Kad Kredit Hong Leong Infinite *P* / Infinite / Infinite Doctor's Edition.

Saya/kami dengan ini memberi kebenaran tidak boleh batal berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLBB, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau untuk akibat daripada sebarang pergantungan yang mungkin diletakkan ke atas maklumat tersebut yang telah disediakan berdasarkan Perjanjian ini.

**Representasi dan Waranti pada Pemprosesan Maklumat Peribadi**
Saya/kami dengan ini memberi representasi dan memberi waranti bahawa saya/kami telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan saya/kami untuk Akaun atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada HLBB bagi menyokong permohonan itu dan/atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatangan yang diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh HLBB ("Subjek Data Relevan"), untuk koleksi HLBB, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada subjek Data Relevan mengikut Dasar Privasi HLBB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

**Persetujuan untuk Memproses Maklumat Peribadi**
Saya/kami dengan ini bersetuju dan persetujuan dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada HLBB oleh saya/kami atau yang diperoleh oleh HLBB dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada saya/kami berkaitan dengan Akaun mengikut Dasar Privasi HLBB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. "Dasar Privasi" bermakna dasar dan prinsip HLBB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat

| Bahagian L | PENGAKUAN (berterus) |
|---|---|

peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan HLBB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan dipaparkan/dinyatakan di laman sesawang HLBB atau dalam apa jua cara yang dianggap wajar oleh HLBB dari semasa ke semasa dan yang boleh didapati di laman web HLBB atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.

(1) Saya/kami dengan ini mengakui bahawa saya/kami telah memaklumkan sepenuhnya kepada HLBB mengenai semua kemudahan pembiayaan yang saya/kami miliki dengan semua penyedia perkhidmatan kewangan termasuk entiti bukan kewangan. Sebarang ketidaktepatan atau kesilapan nyataan di dalam maklumat yang disediakan oleh saya/kami tidak menyebabkan kegagalan HLBB untuk mematuhi garis panduan BNM. (2) Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa sekiranya tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga umur persaraan saya/kami, saya/kami sedar dan faham bahawa saya/kami bertanggungjawab untuk memastikan bahawa saya/kami mempunyai pelan persaraan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pembayaran balik pembiayaan tersebut. (3) Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah menerima Helaian Maklumat Produk Kad Kredit HLBB.

**Persetujuan kepada Dasar Privasi**

Saya/kami telah membaca Dasar Privasi HLBB dan bersetuju bahawa semua data peribadi diberikan kepada HLBB oleh saya/kami dan/atau diperolehi oleh HLBB daripada domain awam, serta data peribadi hasil daripada peruntukan perkhidmatan kepada saya/kami akan tertakluk kepada Dasar Privasi tersebut yang mungkin diubahsuai dari semasa ke semasa. Saya/kami dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran untuk menzahirkan nama dan butiran perhubungan lain saya/kami kepada syarikat-syarikat di dalam kumpulan syarikat HLBB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi. Salinan Dasar Privasi tersebut tersedia atas permintaan atau di atas laman web HLBB (www.hlb.com.my).

Nota: Pelanggan yang ingin dikecualikan daripada pekongsian data peribadi mereka di dalam kumpulan syarikat HLBB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi dikehendaki menghubung Pusat Panggilan kami di 03-76268899 untuk mendaftar permintaan mengecualikan pekongsian tersebut.

**Pengisytiharan FATCA**

Saya/Kami mewakili dan membuat deklarasi bahawa maklumat yang diberi di atas adalah benar, tepat dan lengkap. Saya/Kami memahami bahawa terma "orang A.S." bermaksud mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat.

Saya/Kami di sini memberi persetujuan kepada Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad, atau mana-mana ahlinya, termasuk cawangan (secara kolektif "Bank") untuk berkongsi maklumat saya/kami dengan pengawal selia atau pihak berkuasa cukai tempatan atau luar negara di mana perlu untuk menubuhkan liabiliti cukai saya/kami dalam mana-mana bidang berkuasa sejajar dengan syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing seperti yang mungkin ditetapkan oleh undang-undang, tatacara, perjanjian atau garis panduan atau arahan perundangan berkenaan.

Saya/Kami di sini akur dan bersetuju bahawa Bank berhak untuk menahan dan membayar daripada akaun(-akaun) saya/kami amaun yang yang diperlukan selaras dengan syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing seperti yang mungkin ditetapkan oleh undang-undang, tatacara, perjanjian atau garis panduan atau arahan perundangan berkenaan.

Saya/Kami di sini akur bahawa Bank mungkin mengelaskan saya/kami sebagai pemegang akaun rekalsitran atau 'non-participating foreign financial institution' ("NPFFI") dan/atau menggantung, menarik balik atau menamatkan akaun(-akaun) saya/kami dan/atau kemudahan yang diberikan kepada saya/kami, sekiranya saya gagal memberikan maklumat tepat dan lengkap dan/atau dokumentasi yang dikehendaki oleh Bank.

Saya/kami mengakujanji untuk memaklumkan Bank secara bertulis dalam tempoh 30 hari kalendar jika terdapat sebarang perubahan kepada maklumat yang telah saya/kami berikan kepada Bank.

**Deklarasi untuk permohonan Kad Kredit Platinum Business**

Saya dengan ini mengakui bahawa kad kredit yang diperolehi adalah untuk kegunaan perniagaan.

| Tandatangan Pemohon Kad Utama | Tandatangan Pemohon Kad Tambahan |
|---|---|
| x | x |
| Tarikh ☐☐ / ☐☐ / ☐☐ (HH BB TT) | Tarikh ☐☐ / ☐☐ / ☐☐ (HH BB TT) |

Maklumat rujukan – Nama perujuk: ______________________

**For Bank Use Only**

Channel ☐☐☐ Campaign ☐☐☐☐ Br/Div ☐☐☐ (existing HLB code) Team Code ☐☐☐ Source Code ☐☐☐

Attended by : Signature Name Staff No. (numeric only) ☐☐☐☐☐

Staff New IC No. Phone No. ☐☐☐ – ☐☐☐☐☐☐☐☐

| | |
|---|---|
| Remarks: | Verified by: |
| MMC/MDC Registration No. (for Infinite Doctor's Edition only) | Date: |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Private Banking/High Net Worth Individual with AUM ≥RM 5 Million | ☐ | Politically Exposed Persons (PEP) (both foreign and local) | ☐ |
| Businesses/activities identified as money laundering and financing of terrorism risk.<br><br>(Refer to NTM) Please indicate: ______ | ☐ | Customers from countries or jurisdictions that poses as having on-going or substantial ML/TF risks or customers having personal business in high risk geographical area.<br><br>Please indicate country: ______<br>(Refer to the latest GC issued on FATF notice/ announcement) | ☐ |

If the customer falls in any of the ABOVE category, please proceed to complete the Enhanced Due Diligence (EDD) Form.

## Consent for Disclosure of Credit Information – Individual Keizinan Untuk Pendedahan Maklumat Kredit – Individu

**To /** Kepada:

**1) CTOS Data Systems Sdn Bhd**
**2) RAM Credit Information Sdn Bhd**
**3) Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd**
**4) FIS Data Reference Sdn Bhd**
**5) BASIS Corporation Sdn Bhd**
**6) Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd**

(each to be referred to herein as a "Credit Reporting Agency" and collectively, "Credit Reporting Agencies")
(secara individu disebut sebagai "Agensi Pelaporan Kredit" dan secara keseluruhan disebut sebagai "Agensi-Agensi Pelaporan Kredit")

**And /** Dan
**7) Hong Leong Bank Berhad ("HLB")/Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB")**

### Consent for Disclosure of Credit Information

1. Pursuant to the Credit Reporting Agencies Act 2010 ("CRA"), I/we, the undersigned, hereby irrevocably and unconditionally authorize the Credit Reporting Agencies to process and disclose any of my/our personal information and credit information (as defined in the CRA), including credit information where I am/we are a joint applicant or to which I am/we are or have been linked (collectively referred to as "Credit Information") and resides in the records of the Credit Reporting Agency or any information in the record of the Central Credit Bureau, Bank Negara Malaysia ("BNM") (including the Central Credit Reference Information System (CCRIS), the Dishonoured Cheques Information System (DCHEQS), the Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), the Financial Institutions Statistical System (FISS) or any other database or system established by BNM or any other governmental or regulatory authority or body, Cagamas Berhad and/or Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (collectively referred to as "Credit Information") to HLB/HLISB for the purposes which shall include but not be limited to the following:-

   a) To process and consider my/our application/additional application for HLB/HLISB's credit and credit-related or other products or services of HLB/HLISB;
   b) To evaluate and monitor my/our credit/financing worthiness;
   c) For evaluation and due diligence purposes;
   d) For data processing and analytical purposes;
   e) To respond to inquiries from me/us;
   f) For debt collection purposes;
   g) For enforcement of HLB/HLISB's rights and obligations;
   h) For assessing, processing and investigating insurance/takaful risks and claims;
   i) For deposit insurance/takaful purposes;
   j) For audit and risk management; and
   k) For all other purposes incidental and associated with any of the above.

2. In connection with the Consent herein provided, I/we hereby authorize HLB/HLISB to provide the relevant Credit Reporting Agency with my/our personal details, as provided below, to enable the Credit Reporting Agency to provide me/us with the relevant notification as required under the CRA.

3. I/we hereby agree and confirm that I/we shall not hold HLB/HLISB liable or responsible for :
   a) Any statement, misstatement, inaccuracy or omission of any type or manner contained in the credit information, records and/or credit reports provided to HLB/HLISB by the relevant Credit Reporting Agency;
   b) HLB/HLISB's reliance on such credit information, records and/or credit reports provided by the relevant Credit Reporting Agency to arrive at a decision in relation to my/our application for credit and credit-related or other products or services of HLB/HLISB; and
   c) Any disclosure of my/our Credit Information by the relevant Credit Reporting Agency to any of the Credit Reporting Agency's other subscribers in connection with the credit reporting service provided.

4. This Consent shall be without prejudice to any other clause in the agreement governing the terms of the credit and credit-related or other products or services of HLB/HLISB which I/we have applied for herein and shall remain valid and binding against me/us so long as I/we remain a customer of HLB/HLISB.

5. This Consent shall be applicable for the following product(s):

| | |
|---|---|
| (a) Credit Cards | (d) |
| (b) | (e) |
| (c) | (f) |

# Consent for Disclosure of Credit Information – Individual Keizinan Untuk Pendedahan Maklumat Kredit – Individu

## Keizinan Untuk Pendedahan Maklumat Kredit

1. Menurut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("APK"), saya/kami, yang bertandatangan di bawah, dengan ini secara tidak boleh batal dan tanpa syarat memberi kuasa kepada Agensi-Agensi Pelaporan Kredit untuk memproses dan mendedahkan sebarang maklumat peribadi dan maklumat kredit saya/kami, termasuk maklumat kredit di mana saya/kami adalah pemohon bersama atau yang berkaitan dengan saya/kami (secara keseluruhan disebut sebagai "Maklumat Kredit") dan yang terdapat dalam rekod-rekod Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan dan sebarang maklumat yang terdapat di dalam rekod Biro Kredit, Bank Negara Malaysia ("BNM") (termaksud Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat), Cek Dishonoured Sistem Maklumat (DCHEQS), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) atau mana-mana pangkalan data yang lain atau sistem yang ditubuhkan oleh BNM) atau mana-mana ahli Kumpulan sama ada atau tidak ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa atau badan lain, Cagamas Berhad dan/ atau Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (secara keseluruhan disebut sebagai "Maklumat Kredit") kepada HLB/HLISB bagi tujuan-tujuan seperti, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

   a) Bagi memproses dan mempertimbangkan permohonan/permohonan tambahan saya/kami untuk kemudahan kredit dan kemudahan yang berkaitan dengan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB/HLISB yang lain;
   b) Bagi menilai dan memantau kedudukan kredit/pembiayaan saya/kami;
   c) Bagi tujuan proses penilaian dan usaha wajar;
   d) Bagi tujuan pemprosesan data dan analisis;
   e) Bagi memberi maklumbalas kepada pertanyaan saya/kami;
   f) Bagi tujuan pengutipan hutang;
   g) Bagi tujuan penguatkuasaan hak dan tanggungjawab HLB/HLISB;
   h) Bagi menilai, memproses dan menyiasat risiko dan tuntutan insurans/takaful;
   i) Bagi tujuan insurans/takaful deposit;
   j) Bagi tujuan audit dan pengurusan risiko; dan
   k) Untuk semua tujuan sampingan yang lain dan yang berhubung-kait dengan mana-mana perkara di atas

2. Sehubungan dengan Keizinan yang telah diberikan, saya/kami dengan ini memberi kuasa kepada HLB/HLISB untuk mengemukakan butir-butir peribadi saya/kami, seperti yang tertera di bawah, kepada Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan, untuk membolehkan Agensi Pelaporan Kredit untuk mengemukakan notis yang berkaitan kepada saya/kami seperti yang telah ditetapkan oleh APK.

3. Saya/kami dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan HLB/HLISB atas:
   a) Sebarang kenyataan, salah nyata, ketidaktepatan atau peninggalan mana-mana jenis atau cara yang terkandung dalam maklumat kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang telah disediakan kepada HLB/HLISB oleh Agensi Pelaporan Kredit;
   b) Kebergantungan HLB/HLISB terhadap maklumat kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang telah disediakan oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan dalam membuat keputusan berhubung dengan permohonan kemudahan kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau produk atau pekhidmatan HLB/HLISB yang lain; dan
   c) Sebarang pendedahan maklumat kredit saya/kami oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan kepada mana-mana pelanggan Agensi Pelaporan Kredit yang lain berhubung dengan perkhidmatan pelaporan kredit yang disediakan.

4. Keizinan ini tidak akan menjejaskan mana-mana klausa yang terkandung dalam perjanjian yang menetapkan syarat-syarat kemudahan kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB/HLISB yang telah saya/kami pohon dan hendaklah terus sah dan terikat ke atas saya/kami selama saya/kami kekal sebagai pelanggan HLB/HLISB.

5. Keizinan ini akan terpakai kepada produk-produk berikut:-

| | |
|---|---|
| (a) Kad Kredit | (d) |
| (b) | (e) |
| (c) | (f) |

| | |
|---|---|
| **Name** Nama | **Name** Nama |
| **NRIC/Passport No.** No. KP Baru./Pasport | **NRIC/Passport No.** No. KP Baru./Pasport |
| **Telephone/Mobile No.** No. Telefon/Telefon Bimbit | **Telephone/Mobile No.** No. Telefon/Telefon Bimbit |
| **E-mail address** Alamat e-mel | **E-mail address** Alamat e-mel |
| **Correspondence address** Alamat pos surat menyurat | **Correspondence address** Alamat pos surat menyurat |
| **Signature** Tandatangan<br><br>X | **Signature** Tandatangan<br><br>X |
| **Date** Tarikh | **Date** Tarikh |

**HELAIAN MAKLUMAN PRODUK**
Baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Kredit Hong Leong. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

**Hong Leong Bank Berhad**
**Kad Kredit**
**Tarikh:**

## 1. Apakah produk ini?

Kad ini merupakan kad kredit Hong Leong ("Kad Kredit") dengan kemudahan kredit yang diberikan kepada pemegang kad. Sekiranya sebarang jumlah kredit yang digunakan oleh pemegang kad tidak dijelaskan sepenuhnya pada/sebelum tarikh matang, jumlah yang tidak dijelaskan akan dikenakan caj kewangan.

## 2. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?

**Had Kredit**
Saluran kredit pusingan yang diluluskan oleh Bank, berdasarkan kelayakan Pemegang Kad.

| Jenis Kad | Had kredit minima (RM) |
|---|---|
| **Koleksi kad premium Hong Leong** | |
| Hong Leong Infinite 𝒫 (Visa) | 100,000 |
| Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa) | 12,000 |
| Hong Leong Infinite (Visa) | 45,000 |
| **Kad perniagaan** | |
| Platinum Business (Mastercard) | 12,000 |
| **Kad Rebat** | |
| WISE Platinum (Visa) | 12,000 |
| WISE Gold (Visa) | 2,000 |
| Essential (Visa) | 2,000 |
| Fortune (Visa) | 2,000 |
| The Store and Pacific Platinum (Mastercard) | 12,000 |
| The Store and Pacific Gold (Mastercard) | 2,000 |

| Jenis Kad | Had kredit minima (RM) |
|---|---|
| **Kad mata ganjaran** | |
| Sutera Platinum (Visa/Mastercard) | 12,000 |
| Gold (Visa/Mastercard) | 2,000 |
| GSC Platinum (Visa) | 12,000 |
| GSC Gold (Visa) | 2,000 |
| **Kad asas** | |
| I'm (Mastercard) | 2,000 |

Nota: Selaras dengan terbitan Garis Panduan Kad Kredit bertarikh 2 Disember 2016, kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit baharu ditetapkan pada RM24,000 setahun. Pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang hanya dibenarkan memiliki kad kredit daripada maksimum dua (2) pengeluar kad sahaja. Selain itu, had maksimum kredit yang diberikan kepada pemegang kad tidak boleh melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar kad.

- Pemegang Kad akan tertakluk kepada caj kewangan:–

(i) Pembelian Runcit
Kadar faedah akan dikira atas dasar harian selepas tamat tempoh tanpa faedah asalkan baki semasa penyata sebelumnya telah dibayar sepenuhnya oleh pemegang kad pada tarikh bayaran perlu dibuat. Jika tidak, faedah akan dikira atas dasar harian dari tarikh pengeposan berkaitan. Caj kewangan mungkin berubah bagi setiap akaun berdasarkan rekod bayaran selama 12 bulan lepas oleh pemegang kad seperti di bawah:

| Perilaku pembayaran balik pemegang kad | Kadar faedah runcit |
|---|---|
| Pemegang-pemegang kad yang membuat bayaran minimum secara tetap selama 12 bulan berturut-turut | 15% setahun |
| Pemegang-pemegang kad yang membuat bayaran minimum secara tetap selama 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan | 17% setahun |
| Pemegang kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas | 18% setahun |

Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi transaksi runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

(ii) Pendahuluan Tunai
- 18% setahun ke atas amaun tertunggak dikira atas dasar harian dari tarikh transaksi hingga tarikh penyelesaian penuh.
- (Untuk kad Essential sahaja) 10.8% dikira atas dasar harian, dari tarikh transaksi. Bagaimanapun, jika pemegang kad ingkar membuat bayaran mana-mana baki tertunggak perlu bayar kepada Hong Leong Bank Berhad ("Bank"), bank berhak untuk mengenakan caj standard 18% setahun.

NOTA: Had maksimum pengeluaran tunai harian adalah tertakluk kepada kesediaan Had Tunai kad anda dan had pengeluaran semasa mana-mana ATM sekiranya pengeluaran tunai dibuat melalui ATM; yang mana lebih rendah.

- Pemegang Kad berlayak untuk:

| Jenis ganjaran | Jenis kad |
|---|---|
| **Pulangan Tunai** | |
| • 0.6% Pulangan Tunai untuk semua transaksi Insurans<br>• Untuk Transaksi Runcit* lain<br>Tier 1 – 0.6% Pulangan Tunai untuk perbelanjaan RM5,000 pertama \| Tier 2 – 1% Pulangan Tunai untuk perbelanjaan seterusnya<br>• Tiada Pulangan Tunai untuk transaksi di stesen minyak | Essential |
| 10% Pulangan Tunai akan dikreditkan untuk semua Transaksi Runcit yang sah dalam kategori perbelanjaan yang didaftarkan dan tertakluk kepada maksimum sebanyak RM100 setiap bulan. Pulangan Tunai tertakluk pada transaksi runcit minimum RM2,000 (transaksi dicatatkan) dalam satu bulan kalendar yang diperlukan. | WISE |
| Semua Transaksi Runcit* yang sah akan menerima Pulangan Tunai (dalam bentuk baucar The Store/Pacific):<br>- 3% untuk perbelanjanaan RM1,500 yang pertama di The Store/Pacific.<br>- 6% untuk perbelanjanaan RM1,501 ke atas berikutnya di The Store/Pacific.<br>- 0.5% untuk semua Transaksi Runcit* lain.<br>Nota: Tertakluk kepada maximum rebat tunai RM75 dalam satu kitaran bil daripada perbelanjaan di cawangan-cawangan The Store/Pacific. | The Store /Pacific |
| **Perolehan "Real Cash"** | |
| • 1% "Real Cash" untuk setiap Transaksi Runcit*.<br>• Perolehan "Real Cash" hanya akan dikreditkan apabila mencecah minimum RM20 dan terhad kepada maksimum RM50 yang dihitung secara bulanan.<br>i. Faedah ke atas Perolehan "Real Cash" Baki harian Perolehan "Real Cash" akan menerima faedah kadar semasa untuk deposit tetap 3-bulan.<br>ii. Perolehan "Real Cash" Tambahan<br>Jumlah perbelanjaan runcit tahunan: ≥ RM38,000 Bonus: RM280<br>Jumlah perbelanjaan runcit tahunan: ≥ RM68,000 Bonus: RM880<br>Jumlah perbelanjaan runcit tahunan: ≥ RM108,000 Bonus: RM1,800 | Fortune |
| **Mata ganjaran** | |
| Semua Transaksi Runcit* yang sah akan diberikan Mata Ganjaran. | Sutera Platinum/Gold/GSC |

| Jenis ganjaran | Jenis kad |
|---|---|
| MAS Enrich Miles | |
| Semua Transaksi Runcit* yang sah akan diberikan MAS Enrich Miles berdasarkan:<br>• Tempatan : RM2.8 = 1 mile • Luar Negara : RM1.8 = 1 mile | Hong Leong Infinite 𝒫 / Infinite / Infinite Doctor's Edition |

*Transaksi Runcit merangkumi semua transaksi runcit tempatan dan luar negara KECUALI semua transaksi berkaitan dengan Kerajaan dan JomPAY, Pendahuluan Tunai, Tunai Kuasi (pertaruhan dan transaksi perjudian yang berkaitan), Call-For-Cash, Call-For-Cash Plus, Pelan Bayaran Flexi, Balance Transfer, Transaksi Petrol (termasuk transaksi runcit di stesen petrol), Caj Kewangan, Caj Lewat dan Bayaran Yuran Tahunan kecuali Kad Sutera Platinum, WISE, Fortune dan Hong Leong Infinite dimana transaksi petrol akan diberikan.

## 3. Apakah tanggungjawab saya?

**Bayaran balik bulanan minimum**
- 5% daripada baki tunggakan atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

**Tempoh tanpa faedah untuk transaksi pembelian runcit**
- 20 hari dari tarikh penyata asalkan baki semasa penyata sebelumnya pemegang kad telah dibayar sepenuhnya pada tarikh bayaran perlu dibuat. Jika tidak, faedah akan dikira atas dasar harian dari tarikh pengeposan berkaitan.
- Pemegang Kad Prinsipal akan bertanggungjawab untuk semua baki tunggakan yang ditanggung atas Kad Prinsipal dan Kad Tambahan, jika ada. Pemegang Kad Tambahan akan bertanggungjawab untuk baki tunggakan yang ditanggung atas Kad Tambahan beliau sahaja.

## 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

**Yuran penggantian kad (Tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm)**
- Sebarang penggantian kad adalah tertakluk kepada Yuran Penggantian Kad sebanyak RM50 (atau suatu amaun yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa).

**Transaksi luar negara**
- Transaksi dalam Matawang Asing - Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa International, MasterCard International, ditambah sehingga 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank.
  1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm.
- Transaksi dalam Ringgit Malaysia (RM) - Yuran pentadbiran yang dicaj oleh Visa International, atau MasterCard International.

**Yuran pendahuluan tunai (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan, berdasarkan amaun tunai pendahuluan)**
- Yuran pendahuluan tunai adalah 5% daripada amaun didahulukan atau minimum RM20 yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai.
- (Untuk kad Essential sahaja) Yuran pendahuluan tunai adalah 2% daripada amaun didahulukan atau minimum RM5, yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak untuk mengenakan kadar standard 5% setiap transaksi atau RM20, yang mana lebih tinggi, menurut budi bicaranya.
- (Untuk kad Platinum Business sahaja) i) Pengeluaran melalui cek: Tiada yuran. ii) Pengeluaran melalui ATM: Yuran pendahuluan tunai adalah 3% daripada amaun didahulukan atau minimum RM20, yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak untuk mengenakan kadar standard 5% setiap transaksi atau RM20, yang mana lebih tinggi, menurut budi bicaranya.

**Yuran Tahunan** [4]

| Jenis kad | Prinsipal | Sampingan |
|---|---|---|
| | Yuran Tahunan (RM) | Yuran Tahunan (RM) |
| **Koleksi kad premium Hong Leong** | | |
| Hong Leong Infinite 𝒫 (Visa) | Tiada yuran tahunan | Tiada yuran tahunan |
| Hong Leong Infinite (Visa) | Tiada yuran tahunan | Tiada yuran tahunan |
| Hong Leong Infinite Doctor's Edition(Visa) | Tiada yuran tahunan | Tiada yuran tahunan |
| **Kad perniagaan** | | |
| Platinum Business (Mastercard) | 400 | 200 |
| **Kad rebat** | | |
| WISE Platinum (Visa) | 300 | 150 |
| WISE Gold (Visa) yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2016 | 160 | 80 |
| WISE Gold (Visa) yang diluluskan mulai 1 Oktober 2016 dan seterusnya | 250 | 80 |
| Essential (Visa) | 100 | 50 |
| Fortune (Visa) | 160 | 80 |
| The Store and Pacific Platinum (Mastercard) | 300 | 150 |
| The Store and Pacific Gold (Mastercard) | 150 | 75 |
| **Kad mata ganjaran** | | |
| Sutera Platinum (Visa/Mastercard) | 400 | 200 |
| Gold (Visa/Mastercard) | 160 | 80 |
| GSC Platinum (Visa) | 300 | 150 |
| GSC Gold (Visa) | 150 | 75 |
| **Kad asas** | | |
| I'm (Mastercard) | Tiada yuran tahunan | Tiada yuran tahunan |

| Penerangan yuran dan caj [4] | Amaun (RM) |
|---|---|
| Pencarian rekod jualan (setiap salinan)[1] | 20 |
| Terbitan PIN baru (setiap permintaan)[2] | 5 |
| Permintaan salinan penyata bulanan (setiap penyata) | 5 |
| Yuran penyertaan (setiap kad)[3] | 20 |
| Penyelenggaraan kategori (untuk kad WISE sahaja)(setiap kategori) | 10 |
| Yuran pemprosesan tahunan (untuk kad The Store dan Pacific sahaja)<br>Tiada Yuran Pemprosesan Tahunan dikenakan oleh The Store Card Sdn Bhd untuk tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, Yuran Pemprosesan Tahunan akan dikenakan mengikut status keahlian:<br>The Store/Pacific Gold (setiap tahun)<br>The Store/Pacific Platinum (setiap tahun) | <br><br><br><br>20<br>40 |
| Yuran penghantaran semula untuk Program Hong Leong Rewards.<br>Bayaran nominal sebanyak RM10 akan dikenakan bagi setiap penghantaran selepas percubaan penghantaran yang tidak berjaya yang pertama di bawah program Hong Leong Rewards:<br>i) Yuran penghantaran semula ke alamat yang lain (setiap permintaan)<br>ii) Yuran penghantaran semula ke alamat yang sama (setiap permintaan)<br>iii) Sebagai alternatif, Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk menggunakan 2,650 Mata Ganjaran (PC:9000) sebagai bayaran untuk setiap permintaan penghantaran semula | <br><br><br><br>10<br>10 |
| Yuran berkaitan kemudahan cek (untuk kad Platinum Business sahaja)<br>i) Permohonan/terbitan buku cek (setiap helaian)<br>ii) Yuran pemprosesan cek (mulai 1 Januari 2015) (setiap terbitan cek)<br>iii) Pemusnahan buku cek tidak dituntut lebih 28 hari (setiap buku cek)<br>iv) Cek dikembalikan<br>-Disebabkan kekurangan dana (setiap cek)<br>(untuk terbitan Surat Amaran BMC) (setiap surat)<br>- Disebabkan masalah teknikal (cth: pindaan)(setiap cek)<br>v) Pemberhentian bayaran<br>- Atas permintaan (setiap cek)<br>- Disebabkan buku cek hilang (setiap arahan)<br>- Apabila cek yang diberhentikan diserahkan:-<br>• Jika dana mencukupi (setiap cek)<br>• Jika dana tidak mencukupi (setiap cek) | <br>0.15<br>0.50<br>30<br><br>150<br>10<br>10<br><br>10<br>10<br><br>10<br>150 |

1 Tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm.
2 Bagi Pemegang Kad Kredit I'm yang mengambil PIN dari cawangan, tiada yuran berkenaan akan dikenakan.
3 Berkenaan dengan Kad Kredit I'm.
4 Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

## 5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

**Caj bayaran lewat**
- Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah tunggakan pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada RM100 maksimum.

**Hak untuk penyelesaian**
- Bank boleh, menurut budi bicaranya dan dengan memberi notis 7 hari kalendar, menyelesaikan sebarang baki kredit di dalam akaun (-akaun) anda yang dibuka dengan Bank dengan sebarang baki tunggakan di dalam akaun kad kredit ini.

**Liabiliti untuk transaksi tanpa kebenaran**

Pemegang Kad tidak akan dipertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran kad-hadir yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan yang telah disahkan atau penggunaan kad tanpa-sentuh, dengan syarat Pemegang Kad tidak:
(i) melakukan penipuan;
(ii) tangguh dalam memaklum Bank kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit;
(iii) secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau mana-mana pihak ketiga;
(iv) mencatatkan PIN pada Kad Kredit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit;
(v) meninggalkan Kad Kredit atau apa-apa yang mengandungi Kad Kredit tanpa jagaan di mana-mana tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
(vi) secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Kredit

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad dikehendaki berhati-hati dalam melindungi Kad Kredit walaupun di tempat kediaman Pemegang Kad.
Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.

## 6. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan semua baki sebelum tarikh matang?

Tempoh Terikat – Berbeza mengikut setiap promosi
Penalti penyelesaian awal
Balance Transfer : RM70 akan dicaj jika pemegang kad menyelesaikan semua baki sebelum tamat tempoh matang yang dipilih.
Call-For-Cash Plus : RM25 kan dicaj jika pemegang kad menyelesaikan semua baki sebelum tamat tempoh ansuran yang dipilih.

## 7. Apakah risiko utama?

- Dengan menjelaskan bayaran balik bulanan secara minimum, ia akan mengambil tempoh yang lebih lama dan kos untuk menjelaskan baki tunggakan juga lebih tinggi. Fikirkan kemampuan anda untuk membayar balik semasa menggunakan kad kredit. Sekiranya anda menggunakan kad kredit anda untuk membayar balik pembiayaan lain, kos yang anda tanggung mungkin lebih tinggi. Hubungi pihak Bank untuk rundingan perancangan kewangan dan alternatif pembayaran, sekiranya perlu.
- Sekiranya kad kredit dan/atau PIN anda hilang atau dicuri, atau mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran, sila maklumkan kepada pihak Bank dengan serta-merta di HOTLINE : +603-7626 8899.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan kapada maklumat peribadi saya?

- Bank perlu dimaklumkan mengenai perubahan maklumat perhubungan anda secepat mungkin untuk memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya. Anda boleh menghubungi kami di 03-7626 8899 untuk melakukan sebarang perubahan. Untuk pelanggan Hong Leong Online, sila layari Hong Leong Online Personal dan pilih "Kemaskini Akaun Saya" diikuti oleh "Kemaskini Maklumat Perhubungan".

## 9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad kredit, sila rujuk buku kecil maklumat perbankan mengenai "Kad Kredit", yang boleh diperolehi di semua cawangan kami dan laman web www.bankinginfo.com.my.
- Untuk maklumat terkini yang terkandung di dalam Helaian Makluman Produk ini, dan terma & syarat lengkap produk kami, sila layari www.hlb.com.my. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maklumat terkini dan terma & syarat yang terdapat di laman web Hong Leong Bank akan berkuat kuasa.
- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda seharusnya menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran semula. Anda boleh menghubungi kami di:
  **<u>Consumer Collections Department</u>**
  Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development, 15A, Jalan 219, Section 51A, Petaling Jaya, 46100 Selangor. Tel: +603-7959 1888 Fax: +603-7873 5555
  E-mail: HLBB-CreditControl*TL@hlbb.hongleong.com.my
- Alternatifnya, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel: 03-2616 7766 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang ditawarkan oleh AKPK menggalakkan pengurusan wang secara berhemah dan disiplin kewangan kepada peminjam individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi 03-2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my
- Jika anda ada sebarang pertanyaan, soal atau maklum balas, anda boleh menghubungi kami di :
  **<u>Service Recovery & Complaint Resolution – Customer Experience</u>**
  Hong Leong Bank Berhad, 13A Floor, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel : 03-7626 8899 Fax: 03-7946 8888
  E-mel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
  Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato'Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 Fax: +603-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

## 10. Lain-lain produk kad kredit yang sedia-ada

Pelbagai keistimewaan mengujakan dengan Kad Kredit kami:-

i. Kad Touch'n Go – kad sampingan yang dihubungkan dengan Kad Kredit Hong Leong anda. Ia menambah-nilai RM100 secara automatik setiap kali baki Kad Touch'n Go berada di bawah RM50.

| Yuran* | Amaun (RM) |
|---|---|
| Yuran terbitan (setiap kad) | 10 |
| Yuran penggantian kad (setiap kad) | 10 |
| Yuran tambah nilai automatik (setiap tambahan) | 2 |

*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

ii. Balance Transfer (BT)
iii. Call-for-Cash (CFC)
iv. Call-for-Cash Plus (CFC+)
v. Extended Payment Plan (EPP)

**NOTA PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA <u>TIDAK</u> MENERUSKAN BAYARAN BALIK ATAS BAKI KAD KREDIT ANDA.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini adalah sah pada 1 JUN 2018

This page is intentionally left blank.